



حبيب رسول الله
صلى الله عليه وسلم

الاعمال

SEMINAR HABIBI RASULULLAH S.A.W.

SEMPENA
SAMBUTAN MAULIDURRASUL S.A.W. 1426H
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

ANJURAN:
TAKMIR MASJID UNIVERSITI
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PADA:
HARI RABU
19 RABIULAWAL 1426H / 27 APRIL 2005M

KERTAS KERJA KEDUA:
"SIFAT-SIFAT RASULULLAH SAW"
OLEH
DR ABDOL RAUH BIN YAACOB

SIFAT-SIFAT RASULULLAH S.A.W.

oleh

DR ABDOL RAUH BIN YAACOB

Contoh sifat-sifat Rasulullah s.a.w.:

1- Lemah lembut

Nabi sentiasa lemah lembut dalam percakapan dan tindakan, sentiasa gembira dan tersenyum, muka baginda kelihatan gembira dan bercahaya seperti bulan purnama. Baginda tidak pernah menggunakan bahasa yang kesat dan kasar dalam percakapan. Adalah menjadi kebiasaan baginda yang dahulu menyambut dan bersalam apabila bertemu dengan seseorang. Baginda tidak pernah menghampakan seseorang yang ingin bercakap dengan baginda sehingga orang berkenaan selesai dan pergi. Apabila bersalaman, baginda tidak melepaskan tangan baginda dahulu dari orang yang bersalam. Apabila duduk bersama dengan para sahabat, baginda tidak memilih tempat yang khusus dan istimewa. Banyak kali perwakilan asing yang ingin bertemu baginda tidak dapat mengenali baginda yang sedang duduk bersama-sama dengan para sahabat dalam masjid. Apabila menerima perwakilan asing, baginda sendiri yang melayaninya dan menolak tawaran daripada sahabat yang ingin membantu dengan alasan bahawa mereka itu ialah sahabatnya.

Baginda sentiasa melayani sesiapa sahaja dengan baik dan lemah lembut bukan secara kasar termasuklah musuh baginda. Musuh yang melemparkan najis, sampah dan duri dibalas dengan baik. Baginda melakukan kebaikan kepada sesiapa sahaja kawan atau lawan. Semasa kecil baginda tidak pernah bermusuhan dengan sesiapa tetapi berbaik-baik dan berkawan. Ketika dewasa, baginda terkenal sebagai orang yang baik hati, simpati kepada anak yatim dan orang miskin. Setelah diutuskan sebagai Rasul, kebaikan baginda berlipat kali ganda.

Kisah pertama

Baginda sentiasa bertolak ansur walaupun tidak menyenangkan hati baginda .Dalam peristiwa perkahwinan baginda dengan Zainab para sahabat yang menghadiri kenduri perkahwinan masih lagi duduk di rumah baginda setelah selesai makan tapi baginda hanya mendiamkan diri walaupun keadaan sedemikian sebenarnya tidak menyenangkan hati baginda. Lalu Allah swt menurunkan wahyu mengajar para sahabat:

يأيها الذين آمنوا لا تدخلوا بيوت النبي الا ان يؤذن لكم الى طعام غير ناظرين انه
ولكن اذا دعيتم فادخلوا فاذا طعمتم فانتشروا ولا مستنسين لحديث ان ذلكم كان يؤذي
النبي فيستحي منكم والله لا يستحي من الحق

Maksudnya "Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu masuk ke rumah Nabi kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan dengan menunggu masa sajiannya, tetapi apabila kamu dijemput, masuklah; kemudian setelah kamu makan hendaklah masing-masing bersurai dan jangan duduk bersenang-senang dengan berbual-bual. Sesungguhnya yang demikian itu menyakiti dan menyusahkan Nabi sehingga ia merasa malu kepada kamu, sedang Allah tidak malu untuk menyatakan kebenaran. (al-Ahzab 33:52)

Kisah kedua

Anas menceritakan pada suatu hari Rasulullah s.a.w. menyuruh aku melakukan sesuatu dan aku jawab aku bersumpah atas nama Tuhan aku tidak akan pergi tetapi dalam hati aku rasa aku patut pergi seperti yang disuruh oleh Rasulullah s.a.w. Aku pun keluar dan mendapati beberapa orang budak sedang bermain lalu aku bersama mereka. Tiba-tiba Rasulullah datang dari arah belakang dan memegang belakangku dan apabila aku berpaling baginda tersenyum. Baginda berkata "Adakah engkau pergi ketempat seperti yang aku suruh wahai si kecil Anas". Aku jawab "Ya, aku sekarang sedang dalam perjalanan ke sana". Baginda tersenyum sahaja.

Kisah ketiga

Ali k.a.w. menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. berhutang beberapa dinar dengan seorang doktor Yahudi yang mahukan baginda menyelesaikan hutangnya pada hari itu juga. Apabila baginda menyatakan baginda tidak dapat membayarnya lalu si Yahudi menjawab "Aku tidak akan melepaskan engkau sehingga engkau selesaikan hutangku". Baginda akur dengan katanya "Aku akan tinggal bersamamu" dan baginda berbuat demikian. Baginda bersembahyang Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh esoknya di rumah si Yahudi tadi. Sahabat baginda mengancam dan mengugut si Yahudi. Mereka berkata "Adakah ini si Yahudi yang menahan Rasulullah". Baginda menjawab "Allah melarangku melakukan keburukan kepada orang yang mempunyai perjanjian denganku". Apabila matahari sudah meninggi si Yahudi menemui baginda dan menuturkan kalimah "Aku menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menyaksikan bahawa engkau adalah utusan Allah. Separuh dari hartaku ini akan kusedekahkan ke jalan Allah. Aku bersumpah dengan nama Allah sebab aku melakukan demikian kerana untuk membuktikan kebenaran seperti yang terdapat dalam kitab Taurah iaitu Muhammad bin Abdullah yang dilahirkan di Makkah dan berhijrah ke Taiba dan mempunyai kerajaan di Syria. Beliau tidak bersikap kasar dan bersuara kuat di jalanan. Beliau tidak bersifat kasar dalam percakapan".

Kisah keempat

Anas menceritakan bahawa beliau berkhidmat dengan Rasulullah s.a.w. selama sepuluh tahun dan baginda tidak pernah menyebut kepadanya, "Mengapa engkau melakukan begitu" atau "Mengapa tidak engkau lakukan begini dan begitu".

Rengkasnya, tiada sesiapa yang merasa terluka hatinya atau terpinggir apabila berada bersama-sama dengan Nabi. Perkataan dan perbuatannya tidak menghina seseorang. Tiada sesiapa yang mendengar percakapan yang kasar dan kesat daripadanya. Setiap orang merasai dirinya dilayani dan dihormati. Al-Quran mengesahkan perlakuan baginda:

فيما رحمة من الله لنت لهم ولو كنت فظا غليظ القلب لانفضوا من حولك

Maka dengan sebab rahmat dari Allah bahawa engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka, kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati tetntulah mereka lari dari kelilingmu. (Al Imran 3:159)

2- Pergaulan dengan kanak-kanak

Baginda menunjukkan kepada para sahabat sikap kasih sayang dan baik hati baginda kepada kanak-kanak dan mengajar mereka supaya bersikap demikian.

Kisah pertama

Salah seorang sahabat menceritakan semasa beliau kecil beliau pernah memasuki kebun orang Ansar dan membaling batu untuk mendapatkan buah kurma. Beliau telah dibawa bertemu dengan baginda lalu ditanya, "Mengapa kamu membaling batu?" Beliau menjawab "untuk dapatkan buah kurma". Baginda menasihatinya dengan katanya " Makanlah buah kurma yang gugur di atas tanah dan jangan lagi membaling batu".

Kisah kedua

Anas menceritakan beliau tidak pernah sembahyang di belakang seorang imam yang paling rengkas dan sempurna lebih daripada sembahyang baginda. Apabila baginda mendengar tangisan kanak-kanak baginda akan memendekkan sembahyang kerana bimbang ibunya akan merasa risau. Abu Qatadah meriwayatkan bahawa baginda menyebut bahawa apabila aku mula sembahyang aku bercadang memanjangkannya, tetapi apabila aku mendengar tangisan kanak-kanak aku memendekkan sembahyang kerana sedar perasaan bimbang ibunya dengan tangisan tersebut.

Kisah ketiga

Kasih sayang baginda kepada kanak-kanak tidak terbatas kepada orang-orang Islam sahaja tetapi juga kepada kanak-kanak bukan Islam. Dalam satu peperangan,

beberapa orang kanak-kanak terperangkap antara pasukan perang dan terbunuh. Apabila baginda mengetahui kejadian tersebut, baginda merasa dukacita. Seorang sahabat mencelah, "Wahai Raulullah mereka itu anak orang musyrikin" Baginda menjawab "Sekalipun anak orang musyrikin mereka lebih baik dari kamu. Berhati-hatilah jangan bunuh kanak-kanak Berhati-hatilah jangan bunuh kanak-kanak. Setiap jiwa dilahirkan dalam fitrah Allah".

Kisah keempat

Baginda biasa mengucup kanak-kanak dan merasa senang dengan mereka. Ketika baginda sedang mengucup kanak-kanak tiba-tiba datang seorang badwi dan berkata "Engkau sangat kasih akan kanak-kanak. Aku mempunyai sepuluh orang anak dan aku tidak pernah kucup mereka. Baginda menjawab "Apa yang dapat aku lakukan sekiranya Allah menarik perasaan kasih sayang darimu"

3- Pergaulan dengan hamba atau khadam

Baginda bersikap baik khususnya kepada hamba abdi. Baginda pernah bersabda "mereka itu saudara kamu, berikan makan kepada mereka apa yang kamu makan, dan pakaikan mereka apa yang kamu pakai". Apabila sahaja baginda menerima hamba, baginda bebaskan mereka. Tetapi mereka memilih untuk tinggal bersama baginda walaupun dibebaskan dan diberi pilihan untuk kembali kepada kaum keluarga. Zaid bin Harithah adalah seorang hamba dan baginda telah bebaskannya dan membenarkannya kembali kepada bapanya yang datang mengambilnya. Tetapi Zaid tidak mahu kembali kepada bapanya dan memilih untuk tinggal bersama dengan baginda. Gelaran hamba adalah memalukan. Oleh itu baginda melarang memanggil mereka dengan panggilan "hambaku" tetapi hendaklah memanggilnya dengan "anakku". Baginda juga memberitahu hamba abdi jangan memanggil tuannya sebagai Tuhan kerana Allah sahaja yang layak dipanggil Tuhan.

Kisah pertama

Ketika hamba Abu Dhar datang mengadu kepada baginda mengenai kekasaran tuannya, baginda menasihati Abu Dhar "Takutlah Allah dalam urusan hamba abdi". "Kamu masih jahil. Hamba sahaya adalah saudara kamu. Allah memberi kamu kuasa ke atas mereka. Sekiranya mereka tidak sesuai denganmu juallah mereka. Jangan membahayakan makhluk Allah. Berikan mereka makan apa yang kamu makan, pakaikan mereka apa yang kamu pakai. Jangan bebankan mereka dengan kerja yang banyak sehingga mereka tidak mampu melakukannya. Sekiranya kamu memberinya kerja yang banyak, bantulah mereka sehingga selesai".

Kisah kedua

Pada satu hari ketika Abu Mas'ud Ansari sedang memukul hambanya tiba-tiba dia mendengar suara dari arah belakangnya yang berkata "Wahai Abu Mas'ud, Allah mempunyai kuasa dan menguasai dirimu lebih dari kuasa kamu terhadap hambamu". Abu Mas'ud berpaling dan mendapati baginda berada di belakangnya lalu dia berkata "Wahai Rasulullah aku bebaskan hamba ini kerana keridaan Allah" Baginda menjawab "Sekiranya kamu tidak berhenti nescaya api neraka akan menyentuhmu".

Kisah ketiga

Tuan-tuan hamba mempunyai kuasa yang tidak terbatas terhadap hamba mereka sehingga mereka boleh mengahwin dan menceraikan perkahwinan antara hamba-hamba. Apabila baginda mengetahuinya lalu baginda bersabda dari atas mimbar masjid "Mengapakah mereka mengahwinkan hamba dan selepas itu menceraikan mereka. Hak perkahwinan dan perceraian adalah dipunyai oleh suami dan isteri".

Kisah keempat

Seorang datang kepada baginda bertanya berapa kalikah dia patut memaafkan kesalahan hambanya tetapi mulanya baginda tidak menjawab sehingga diulanginya soalan tadi sebanyak tiga kali lalu baginda menyatakan maafkan mereka sebanyak tujuh puluh kali sehari.

Pada ketika yang lain seorang datang menemui baginda untuk meminta nasihat. Beliau mempunyai dua orang hamba tetapi tidak senang dengan keduanya. Beliau mengatakan bahawa beliau sentiasa menghukum hamba-hambanya kerana kesalahannya, tetapi mereka tetap dengan perangai lama mereka. Baginda berkata sekiranya hukuman tersebut setimpal dengan kesalahannya maka itu adalah baik sebaliknya Allah akan membalasnya sekiranya hukumannya melebihi kesalahan yang dilakukan. Mendengar nasihat baginda itu, lelaki tadi terus menangis dan membebaskan hambanya.

4- Sikap baginda dengan orang miskin

Baginda memiliki sifat berbaik-baik dengan semua orang tanpa mengira kaya atau miskin, tetapi baginda lebih menyayangi golongan miskin dari yang kaya. Dalam peristiwa baginda sedang menerangkan ajaran Islam kepada pemuka Quraisy tiba-tiba Abdullah bin Ummi Maktum datang dan ingin bertanya baginda. Kerana kemahuan baginda untuk memujuk pemimpin Quraisy agar menerima Islam, baginda tidak terus melayani ibn Umm Maktum, baginda bercadang akan melayaninya kemudian. Hanya dengan mengutamakan pemimpin Makkah dari seorang Islam yang buta ditegur oleh Allah swt.

عيس وتولى أن جاءه الأعمى وما يدريك لعله يزكى أو يذكر فتتفعه الذكرى

“Ia memasamkan muka dan berpaling, kerana ia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui. Barangkali ia mahu membersihkan hatinya. Ataupun ia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya.”

Setiap kali ibn Ummi Maktum datang berjumpa baginda, baginda menyambut dengan baik dan berkata selamat datang orang yang dengannya Allah menegurku.

5- Sifat pemaaf

Baginda dapat memaafkan kesalahan orang kepadanya dengan tidak menyimpan perasaan dendam sedikit pun bahkan melayani orang yang memusuhi dan menentangnya dengan kemaafan.

Kisah pertama

Dalam peristiwa pembukaan kota Makkah baginda mengisytiharkan pengampunan beramai-ramai kepada semua penduduk Makkah samada pemimpin atau orang ramai kecuali sembilan orang¹ yang melakukan kesalahan dari segi syarak seperti membunuh, murtad, menghina kenabian. Walaupun begitu apabila lima daripada mereka datang menemui Rasulullah s.a.w. dan bertaubat, mereka juga dibebaskan oleh baginda seperti orang lain walaupun mereka mulanya menolak dakwah, mendusta, menyiksa, cuba membunuh, mengusir dan memerangi baginda.

Kisah kedua

Ketika peluang berdakwah di Makkah sudah hampir tertutup, baginda mengalih perhatian ke Taif. Sebaliknya bukan dakwah sahaja yang ditolak tetapi baginda telah diusir dengan lontaran batu sehingga luka dan darah baginda membasahi bumi Taif.

¹ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. *Zad al-Ma'ad*, p.166. Mereka ialah Abdullah bin Sa'd bin Abi Sarah, Ikrimah bin Abi Jahal, Abd al-Uzza bin Khatal, al-Harith bin Nufail bin Wahab, Muqais bin Sababah, Habar bin al-Aswad, dua khadam wanita Ibn al-Akhtal (kedua-duanya menghina Nabi), Sarah mawla Bani Abd al-Muttalib. Abdullah bin Sa'd bin Abi Sarah masuk semula Islam lalu Uthman membawanya berjumpa Rasulullah sebelum sempat dibunuh oleh orang ramai. Mulanya beliau masuk Islam lalu berhijrah tetapi kemudiannya murtad dan kembali ke Makkah. Sementara Ikrimah bin Abu Jahal pula adalah orang paling kuat memusuhi baginda. Dia melarikan diri ketika pembukaan kota Makkah. Isteri beliau datang berjumpa Nabi bagi mendapatkan keampunan setelah beliau melarikan diri, beliau kembali dan masuk Islam dan baik Islamnya. Sementara Ibn al-Akhtal, al-Harith, Muqais dan salah salah khadam Ibn al-Akhtal telah dihukum bunuh. Muqais, sebelumnya masuk Islam kemudian murtad. Habar pula adalah kerana mencederakan Zainab binti Rasulullah ketika beliau dalam perjalanan untuk berhijrah sehingga menyebabkan kematian kandungannya. Beliau cuba melarikan diri ke Parsi tetapi berpatah balik dan menemui Nabi lalu masuk Islam dan baik Islamnya. Sarah dan salah seorang khadam turut diampun oleh baginda apabila keduanya memohon keampunan dan keduanya masuk Islam. Sementara Safwan bin Umayyah salah seorang pemuka Qurasy, adalah juga yang paling kuat memusuhi baginda dan pernah mengupah Umair bin Wahab untuk membunuh baginda dengan janji akan diberi ganjaran. Apabila jatuhnya kota Makkah, dia melarikan diri ke Jeddah dan akan ke Yaman. Umair datang berjumpa baginda dan menyatakan bahawa Safwan ialah ketua qabilah, dan melarikan diri kerana takut dan akan terjun ke laut. Dia juga diberi perlindungan oleh baginda. Ketika menemui baginda, beliau meminta tempoh dua bulan untuk berfikir. Sebaliknya baginda memberikannya tempoh empat bulan dan akhirnya beliau masuk Islam dengan kehendaknya sendiri.

Nabi diberi tawaran sekiranya baginda bersetuju untuk memusnahkan penduduk Taif. Nabi tidak mahu membalas penghinaan dan penyiksaan mereka dengan kemusnahan tetapi sebaliknya baginda memaafkan mereka dan mendoakan semoga akan lahir dari keturunan mereka orang-orang yang beriman. Ini kerana baginda tidak menyalahkan mereka tetapi dirinya dengan bermunajat dan mengadu kelemahan dan kekurangan usahanya yang menyebabkan Islam tidak diterima dengan katanya "Wahai Tuhanku, aku mengadu kepadamu lemahnya kuasaku dan kurangnya daya usahaku..."

Kisah ketiga

Baginda juga memaafkan golongan munafik dan ketuanya Abdullah bin Ubayy walaupun berbagai-bagai usaha yang dilakukan untuk menghancurkan Islam dari dalam. Nabi menyembahyangkannya dan memohon keampunan sehingga Allah melarang baginda berbuat demikian. Abdullah bin Ubbay berusaha sepanjang hayatnya menentang baginda dan Islam. Dialah yang kembali dari medan perang Uhud dengan pengikutnya seramai 300 orang. Dialah yang menimbulkan kisah tuduhan palsu kepada Aishah dalam *hadith al-ifk* melalui kuncunya supaya menjatuhkan kedudukan baginda dengan menyebarkan skandal isteri baginda. Dialah juga yang membina masjid dhirar bertujuan memecahkan pengikut baginda. Dialah juga yang mengadakan pakatan sukut dengan pemuka Quraisy bagi memerangi Islam.

Kisah keempat

Selepas pembukaan kota Makkah, semua qabilah Arab datang ke Madinah dan menerima Islam kecuali Banu Hanifah. Pada suatu hari Thumamah, ketua qabilah banu Hanifah telah tertangkap dan dibawa ke hadapan baginda yang mengarahkan supaya dia diikat di tiang masjid. Apabila baginda ke masjid, baginda bertanya kepadanya apa yang dia mahu. Thumamah menjawab "Wahai Muhammad sekiranya engkau membunuhku, engkau membunuh seorang pembunuh, sekiranya engkau menunjukkan kebaikan, engkau telah melayani orang yang berterima kasih, dan

sekiranya engkau mahu pembayaran, sebutkan sahaja dan aku akan memberinya". Baginda mengulangi soalan tersebut setiap hari. Apabila jawapan yang diberi adalah sama maka pada hari yang ketiga baginda mengarahkan supaya beliau dibebaskan. Thumamah merasa terharu dengan layanan baginda. Setelah membersihkan dirinya beliau datang ke masjid lalu mengucap dua kalimah syahadah di hadapan baginda. Beliau berkata, sebelum ini tiada seorang yang paling aku benci melainkan kamu, dan sekarang tiada seorang yang paling aku kasih melainkan engkau. Sebelum ini tiada agama yang aku benci melainkan agama kamu dan sekarang ia sahaja agama yang paling baik buatku. Sebelumnya tiada bandar yang aku benci kecuali bandar kamu, dan sekarang bandar yang sama yang aku sukai lebih dari bandar-bandar yang lain.

Keseluruhan sirah baginda membuktikan sifat pemaaf baginda sebagaimana yang baginda jelaskan bahawa Tuhanku mengarahkanku supaya memaafkan orang yang menentangku walaupun aku mampu menuntut bela, supaya menjalinkan hubungan dengan orang yang memutuskan hubungan denganku dan supaya memberi kepada orang yang melupuskanku. Baginda juga tidak pernah berdoa untuk menurunkan bala kepada penentangannya² walaupun didesak oleh sahabat apabila baginda mendapat luka dalam perang Uhud. Baginda menjelaskan bahawa baginda diutuskan bukan untuk menurunkan bala kepada umat manusia tetapi untuk mengajak mereka ke jalan Allah. Sebaliknya baginda memohon keampunan untuk umatnya kerana mereka tidak faham. Sekali lagi sahabat mendesak supaya baginda berdoa menurunkan bala apabila tindak-tanduk musyrikin Quraisy sudah melampaui batas, tetapi baginda berdoa sebaliknya agar Allah mengampunkan mereka kerana mereka tidak mengetahui. Apabila Thumamah masuk Islam, beliau menghentikan dagangannya dengan Makkah. Apabila diajukan kepada baginda, Thumamah meneruskan dagangannya dengan Makkah setelah baginda mengutus surat kepadanya. Merekalah juga orang yang telah memulaukan perdagangan dengan

² Kecuali beberapa orang pemuka Quraisy yang menghina baginda dengan meletakkan najis ketika baginda sedang sujud seperti termasuk Abu Jahal, Utbah bin Rabiah dan lain-lain.

baginda ketika di Makkah selama tiga tahun tanpa membenarkan walau sebiji gandum pun sampai ke tangan orang Islam. Tetapi baginda melupakan tindak-tanduk mereka yang lepas dan memaafkan mereka. Sifat pemaaf baginda adalah menurut perintah al-Quran:

خذ العفو وأمر بالعرف وأعرض عن الجاهلین

Maksudnya "Terimalah kemaafan dan suruhlah dengan perkara yang baik dan berpalinglah dari golongan yang jahil. (al-A'raf 7:199)

6- Sebagai seorang suami dan bapa

Baginda berkahwin ketika berusia 25 tahun dengan Khadijah yang sudah menjangkau 40 tahun telah menghasilkan kasih sayang, keselesaan dan kebahagiaan bersama yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pasangan yang lain. Baginda menyayangi Khadijah ketika hidup dan selepas mati. Baginda sentiasa mengingati Khadijah sekalipun setelah berkahwin dengan isteri-isteri yang lain yang lebih muda seperti Aisyah, Zainab dan Safiyah. Baginda selalu berbaik-baik dengan semua sahabat Khadijah dan memberi mereka hadiah. Pada satu ketika Aisyah menjelaskan bahawa beliau tidak pernah merasa cemburu kepada isteri baginda seperti beliau cemburu kepada Khadijah, sekalipun beliau tidak sempat dengannya, kerana Nabi sentiasa mengenangkannya sehingga satu hari beliau telah melukai hati baginda dalam perkara ini. Baginda menjawab "Tuhan merahmatiku dengan kasih sayang Khadijah". Pada masa yang lain Aisyah bertanya baginda siapakah yang baginda paling kasihi. Baginda menjawab Khadijah, beliaulah orang yang mempercayaiiku ketika tiada siapa yang mempercayaiiku, beliau telah memeluk Islam ketika orang mendustaiku dan beliaulah yang membantuku dan memberi ketenangan kepadaku ketika tiada siapa yang sanggup memberi pertolongan. Khadijah juaga yang melahirkan zuriat Nabi. Sebagai seorang bapa baginda memberikan segala kasih sayang kepada anak-anak baginda.

Kebahagiaan kehidupan berumahtangga yang dilalui oleh baginda tidaklah diukur dengan umur atau kemewahan tetapi dengan kasih sayang dan saling bantu membantu. Apabila sebahagian dari isteri-isteri baginda meminta sedikit kemewahan dari hasil negara, Allah memerintahkan RasulNya untuk memberi pilihan kepada mereka.

يأيها النبي قل لأزواجك ان كنتن تردن الحياة الدنيا وزينتها فتعالين أمتعن وأسرحكن سراحا جميلا . وان كنتن تردن الله ورسوله والدار الآخرة فان الله أعد للمحسنات منكن أجرا عظيما

Maksudnya: Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu: "Jika kamu sekalian mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya kuberikan kepadamu mut'ah (pemberian kepada perempuan yang diceraikan) dan aku ceraikan kamu dengan cerai yang baik".

Tetapi mereka memilih kehidupan yang paling sederhana bersama dengan baginda suami yang penyayang, lebih dari kemewahan harta benda dan keseronokan dunia. Sebagai membalas pengorbanan mereka, baginda sentiasa berusaha menegmbirakan mereka. Kerana perahatin baginda terhadap isteri, baginda dapat mengenali perasaan mereka samada gembira atau sedih. Aishah bertanya bagaimana baginda dapat mengetahuinya. Baginda menjawab kalau gembira beliau akan berkata "dengan nama Tuhan Muhammad", dan sekiranya sedih beliau akan berkata "dengan nama Tuhan Ibrahim". Aishah mengakuinya.

Pada suatu hari raya ada pertunjukan permainan senjata di halaman masjid dan Aishah mahu melihatnya. Baginda berdiri dalam waktu yang panjang sedang Aishah berada di belakang baginda melihat pertunjukan tersebut. Pada waktu yang lain baginda berlumba lari dengan Aishah. Ketika badan Aishah masih kecil, beliau memenangi tetapi beberapa tahun kemudian apabila badan Aishah sudah besar, baginda memenanginya.

Baginda berusaha mengembirakan setiap isteri baginda. Apabila baginda mengetahui Safiyyah menangis setelah beliau digelar oleh Hafsa dengan nama anak Yahudi, baginda mententeramkannya dengan kata-kata " Engkau adalah anak Nabi, bapa saudara engkau juga adalah Nabi dan engkau berkahwin dengan seorang Nabi jadi mengapakah dia lebih berbangga dari engkau". Kepada Hafsa baginda menasihatinya supaya takutkan Allah.

Peribadi seseorang sebenar-benarnya dapat dikenali ketika ia bersama dengan keluarganya. Dalam tempoh yang singkat seseorang dapat menyembunyikan perangai dan tingkahlakunya sebenarnya ketika berada di hadapan orang ramai, tetapi apabila bersama isteri dan anak-anak dan dalam tempoh yang panjang maka perangai sebenarnya akan ditunjukkan. Namun orang ramai masih belum mengetahui perangainya yang sebenar kerana kisah rumahtangga biasanya dirahsiakan. Tetapi apabila kita mengkaji sirah Rasulullah s.a.w. kita mengetahui seluruh kehidupan peribadi baginda termasuk sifat dan perlakuan baginda dengan anak dan isteri. Pada kebanyakan orang kisah hidup yang patut dirahsiakan. Aishah menceritakan bahawa baginda tidak pernah melihat bahagian sulitnya dan beliau sendiri tidak pernah melihat bahagian sulit baginda.

Rengkasnya Muhammad s.a.w. ialah seorang insan biasa diutuskan sebagai seorang nabi dan rasul. Walaupun sebagai utusan Allah, baginda masih bersifat dengan sifat kemanusiaan yang boleh diikuti dan dijadikan contoh oleh semua orang, bahkan ditegaskan dalam al-Quran bahawa Rasulullah itu menjadi uswah hasanah. Oleh yang demikian baginda menjalani kehidupan di dunia ini sebagai seorang manusia yang mempunyai perasaan seperti orang lain, memiliki sifat-sifat sebagai seorang manusia seperti makan minum, tidur bangun, beristeri dan mempunyai anak, suka duka, ketawa dan menangis. Tetapi baginda mempunyai peribadi yang tulus dan luhur, akhlak yang mulia dan terpuji, sifat-sifat kemanusiaan yang istimewa, dan kehidupan resmi dan peribadi yang unggul.

Baginda tidak berpura-pura dalam sikap dan perangai samada ketika bersama ahli keluarga mahupun dengan sahabat handai atau sesiapa sahaja. Baginda dapat mengharmonikan antara kehidupan duniwani dengan ukhrawi, dan antara ibadat khusus dengan umum. Baginda dapat menghadapi ujian dengan tabah dan sabar, dan menjalani kehidupan yang paling sederhana walaupun menjadi seorang pemimpin.

Kehidupan baginda boleh dijadikan contoh samada sebagai seorang kanak-kanak dan ketika dewasa, sebagai orang suami, seorang ayah, seorang sahabat, pemimpin, pendakwah, dan ketua tentera. Begitu juga dengan hubungan baik baginda dengan kaum wanita lain, dengan khadam dan hamba, dengan orang-orang miskin dan anak yatim, bahkan dengan musuh dan penentang sehingga ada yang masuk Islam atas kebaikan layanan baginda. Sesungguhnya sunnah Rasulullah itu adalah amat sesuai dan memadai bagi seorang muslim untuk menjalani kehidupannya di dunia ini.